

21 NOV 1999

Mahathir-Iklan

IKLAN BN HANYA UNTUK INGATKAN KEBENARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Iklan kempen pilihan raya Barisan Nasional (BN) yang disiarkan di dalam akhbar-akhbar utama bukan untuk menakutkan rakyat sebaliknya sebagai mengingatkan kebenaran tentang apa yang telah berlaku, kata presiden BN Datuk Seri Dr Mahathir, malam ini.

"Itu semata-mata kebenaran, kita kalau tak belajar daripada sejarah dan pengalaman kita, kita akan mengulangi sejarah itu dengan tidak mengambil kira apa yang boleh berlaku," kata beliau pada persidangan berita selepas melancarkan manifesto BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan polis DAP hari ini terhadap BN berhubung iklan semuka penuh dalam akhbar-akhbar utama hari ini dengan parti pembangkang itu mendakwa ia bertujuan mengancam pengundi dan menghalang mereka daripada mengundi secara bebas tanpa paksaan dan tekanan.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang membuat laporan itu di balai polis Petaling, Jalan Klang Lama di sini, bagi kesalahan mengikut Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Lim berkata ia merupakan laporan kedua yang beliau buat terhadap iklan berkenaan. Yang pertama dibuat awal pagi ini di ibu pejabat polis Pulau Pinang bagi kesalahan mengikut Akta Pilihan Raya 1954.

Sambil mengambil contoh rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, Dr Mahathir berkata ia adalah kerana adanya keadaan yang tidak menentu dalam pembentukan kerajaan sama ada Perikatan akan memerintah atau tidak.

"Dalam keadaan itu ada rusuhan berlaku...sebab itu kita hendak rakyat membuat pilihan bagi menentukan kerajaan yang kukuh dan kuat memerintah," kata beliau.

Perdana Menteri berkata: "Kalau rakyat nak pilih parti lawan, pilihlah. Bagi dia kuat, cukup kuat, bagi majoriti dua per tiga kepada parti lawan. Kita tak jaminlah itu akan membawa keamanan tapi dia akan menjadi kuat," kata beliau.

--BERNAMA

GM NAK